

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HSM 316 – Seminar Sejarah Politik Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **SATU [1]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA [3]** soalan sahaja.

1. Apakah pada pendapat anda faktor utama yang menyebabkan nasionalisme dalam pengertiannya yang penuh tidak kelihatan di kalangan orang Melayu di Tanah Melayu sehinggalah peperangan dunia kedua?
2. Huraikan kerjasama politik antara kaum pada tahun-tahun 1940-an dan 1950-an di Tanah Melayu sebelum penubuhan Perikatan pada 1954.
3. “Dengan mengistiharkan Darurat pada Jun 1948 British bukan sahaja dapat membendung kegiatan yang boleh mengancam kepentingannya di Tanah Melayu tetapi juga berupaya melanjutkan kuasanya di rantau ini.” Ulasikan.
4. “Sebenarnya kemerdekaan yang dicapai pada 31 Ogos 1957 itu, bukanlah kerana UMNO dan Tuanku Abdul Rahman sahaja, bahkan yang utamanya ialah kerana semangat MERDEKA yang digembar-gemburkan oleh Dr. Burhanuddin, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam serta pejuang-pejuang besar dan kecil PKMM dan KMM.” Bahaskan.
5. “Masalah perkauman adalah faktor asas yang menyebabkan Singapura terpisah daripada Malaysia pada tahun 1965.” Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
6. “Parti-parti pembangkang dan anasir komunis sering dipersalahkan sebagai punca peristiwa 13 Mei 1969. Pada hakikatnya, kerajaan Perikatan sendiri telah melakukan banyak kesilapan yang menyebabkan terjadinya peristiwa itu.” Bincangkan.

-- oo000oo --